



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

**MALAYSIA PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA ARAB SAUDI DAN KAZAKHSTAN DALAM SEKTOR INFRASTRUKTUR, KESELAMATAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN RAYA**

Saya berbesar hati menerima kunjungan hormat Timbalan Menteri Pengangkutan bagi Hal Ehwal Jalan Raya Arab Saudi, TYT Badr Bin Abdullah Al-Dulami dan Menteri Pengangkutan Kazakhstan TYT Marat Karabayev sempena Kongres Jalan Sedunia ke-27 2023 anjuran Persatuan Tetap Kongres Jalan Antarabangsa (PIARC) di Prague, Republik Czech.

Dalam pertemuan bersama delegasi Arab Saudi, kami telah berkongsi pandangan mengenai pelbagai perkara serta bertekad untuk memperkukuhkan lagi kerjasama strategik dalam aspek keselamatan dan penyelenggaraan jalan di kedua-dua negara.

Saya percaya ada banyak yang boleh Malaysia pelajari daripada Arab Saudi dalam hal ini dan begitu juga sebaliknya. Justeru, kedua-dua pihak bersetuju untuk terus berhubung lanjut bagi meneroka ruang dan peluang yang boleh dimanfaatkan demi kebaikan bersama.

Delegasi Arab Saudi juga telah menyatakan minat untuk mempelajari usaha Kerajaan Malaysia berhubung inisiatif keselamatan jalan raya yang ditekankan terutamanya melalui kempen MYJalan yang sedang giat dilaksanakan di seluruh negara.

Kedua-dua negara bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut berhubung usaha ini dalam masa terdekat.

Saya juga telah menyatakan sokongan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Arab Saudi dalam usaha membida sebagai penganjur Ekspo Dunia 2030.

Dalam pertemuan bersama delegasi Kazakhstan pula, TYT Marat telah menyatakan hasrat dan minat untuk membawa masuk kepakaran Malaysia dalam membina,

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

**WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL**

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

---

# KENYATAAN MEDIA

membangun dan menguruskan infrastruktur pelabuhan di Republik itu.

Saya amat mengalu-alukan cadangan ini yang sekaligus membuktikan kepakaran Malaysia dalam bidang pembinaan infrastruktur turut menarik perhatian luar. Saya amat berharap kerjasama ini dapat direalisasikan yang akan membuka peluang pelaburan kepada kedua-dua negara.

Saya akan membawa cadangan ini untuk dibincangkan di peringkat kementerian dan agensi yang berkaitan sebelum dipertimbangkan di peringkat kabinet.

**DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**

**MENTERI KERJA RAYA**

**4 OKTOBER 2023**

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

**WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL**

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur